



siri biografi untuk pelajar

Biografi
MAARUF MAHMUD



1870

1871

1872

1873

1874

1875

1876

1877

1878

1879

1880

1881

1882

1883

1884

1885

1886

1887

1888

1889

1890

1891

1892

1893

1894

1895

1896

1897

1898

1899

1900

1901

1902

1903

1904

1905

1906

1907

1908

1909

1910

1911

1912

1913

1914

siri biografi untuk pelajar

Biografi
MAARUF MAHMUD

Ghazali Ngah Azia

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2001

Cetakan Pertama 2001
© Ghazali Ngah Azia 2001

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-
Penerbitan

Ghazali Ngah Azia, 1956-

Maaruf Mahmud / Ghazali Ngah Azia.

(Siri biografi untuk pelajar)

ISBN 983-62-7132-5

1. Maaruf Mahmud, 1920 - 2. Authors, Malay-- Biography.

I. Judul. II. Siri.

928.9923

M
928 9923
MAA G

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

M

25 APR 2003

KANDUNGAN

Prakata	vii
Carta Keluarga	ix
BAB 1 - Kampung Halaman	1
BAB 2 - Cabaran Di Alam Remaja	16
BAB 3 - Pahit Manis Zaman Ubi Kayu	28
BAB 4 - Mencipta Nama Sebagai Penulis	38
BAB 5 - Tidak Ada Waktu Rehat	48
BAB 6 - Antara Bulan dan Matahari	59



" Yang tidak pandai mestilah berguru. Hendak berguru pula tidak kira muda atau tua".

PRAKATA

Satu daripada aspek pemberatan dalam pemetaan, pengajaran dan pembelajaran komponen sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ialah biodata pengarang yang karyanya dijadikan bahan teks wajib untuk diteliti dan dihayati oleh pelajar. Meneliti dan menjejaki susur-galur kehidupan seseorang tokoh pengarang, bermakna kita berusaha menjejaki perjuangannya, sumbangannya, pemikirannya, cita-citanya, sejarah yang diciptanya dan pengalamannya. Daripada pengalaman pengarang itu, dapat pula diteladani - mana-mana yang baik dapat dijadikan iktibar dan pedoman untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Menyedari akan hakikat tersebut serta peri pentingnya para pelajar mengetahui latar belakang perjuangan, cita-cita, harapan dan wawasan seseorang pengarang, maka buku *Biografi Maaruf Mahmud* ini telah diusahakan penerbitannya. Maaruf Mahmud merupakan seorang pengarang dan penulis yang tidak asing lagi di tanah air. *Biografi Maaruf Mahmud* ini menjadi bahan penting kepada pembaca untuk setiap karyanya termasuk novel *Anak Din Biola*.

Ketokohan Maaruf Mahmud sebagai pengarang amat menonjol dalam penulisan kreatif terutamanya novel dan cerpen. Selain itu, beliau


turut menghasilkan beberapa buah novel biografi. Yang membanggakan, banyak karya-karya beliau telah memenangi hadiah utama dalam pertandingan peringkat kebangsaan.

Secara umumnya, buku ini cuba memaparkan riwayat hidup Maaruf Mahmud - bagaimana kehidupannya pada zaman kanak-kanak; zaman persekolahannya; sumbangannya dalam penulisan kreatif, serta aktiviti-aktiviti beliau dalam kegiatan kesusasteraan. Buku ini turut memaparkan liku-liku perjalanan awal hidupnya sebagai seorang guru, penyunting sehinggalah beliau bersara dan meninggal dunia.

Pendekatan penulisan buku ini berbentuk popular dan menyeluruh, sesuai untuk semua golongan pembaca. Tujuan utama penerbitan biografi ini adalah untuk memaparkan perjuangan hidup seorang tokoh kesusasteraan tanah air dalam mencapai wawasan hidupnya. Semoga biografi kecil ini dapat memberi manfaat kepada pembaca - sekurang-kurangnya menjadi sumber inspirasi atau contoh ikutan yang berguna serta memberi semangat dan motivasi kepada pembaca khususnya para remaja.

Ghazali Ngah Azia

CARTA KELUARGA MAARUF MAHMUD



KAMPUNG HALAMAN

Desa Hulu Yam Bharu

Setiap kali terasa rindu akan kampung halaman, Maaruf Mahmud akan berkereta pulang ke desanya di Hulu Yam Bharu. Dari Kuala Lumpur, Maaruf biasanya ditemani isterinya. Sepanjang perjalanan ke desa itu, banyaklah kenangan silam mengimbau kembali dalam ingatannya.

Jalan raya yang dilalui kini sudah banyak berubah, tidak seburuk pada zaman penjajahan Inggeris dahulu. Di kiri dan kanan jalan pula dipagari kawasan perumahan dan kilang yang tumbuh seperti cendawan, bukan lagi kawasan perlombongan atau hutan rimba.



Wajah baru pekan kelahiran Maaruf Mahmud.



Rumah pusaka datuk dan nenek di desa kelahiran Maaruf, Hulu Yam Bharu.



*"Desa Hulu Yam Bharu
ini banyak mencetuskan
ilham kepada saya,
untuk berkarya."*

- Maaruf Mahmud

“Di atas jambatan inilah, saya sering mengimbas kembali zaman silam, kira-kira 70 tahun lalu. Ada gembira, ada sedih, ada pilu, hiba dan lucu. Kadang-kadang saya menitiskan air mata apabila terkenangkan masa lalu yang tidak mungkin saya rasai lagi. Saya menemukannya kembali apabila saya meluahkan kenangan tersebut dalam karya-karya saya sahaja. Biarlah generasi selepas saya dapat menikmati suasana kisah itu untuk mereka berkongsi pengalaman dengan saya,” kata Maaruf hiba sambil berdiri di atas jambatan dan memandangi Sungai Kalong.

Walaupun pengalaman dan usianya banyak dihabiskan di bandar, namun Maaruf amat sayang akan desa kelahirannya, Hulu Yam Bharu.

“Tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat bermain.”



Sungai Kalong.



“Kalau saya pulang, saya suka berdiri di atas jambatan Sungai Kalong ini,” kata Maaruf Mahmud, seorang penulis yang kaya dengan pengalaman dan telah menghasilkan berpuluh-puluh cerpen dan novel.

Apalagi apabila Maaruf melihat rumah pusaka datuk dan neneknya, rumah tempat kelahirannya masih wujud. Begitu juga pekan Hulu Yam Bharu, masjid, hutan dan sekolah yang menyimpul segala cerita Maaruf masih kekal hingga kini.

“Isteri saya sering menemani saya balik kampung,” kata Maaruf. “Kami selalu bercerita fasal pekan lama, sungai, dan juga jambatan. Macam-macam kenangan dalam kepala saya.”

“Kalau boleh, saya mahu selalu datang ke desa ini. Namun, Tuhan lebih menyayangi isteri saya. Sejak Zaleha meninggal, saya keserangan dan kesepian. Malas rasanya hendak pulang,” keluh Maaruf.

Sebagai tanda cinta kepada desa, Maaruf sering menerapkan kisah silam dalam karyanya. Demikianlah, desa kelahirannya Hulu Yam Bharu, tidak dapat dipisahkan dalam hidup Maaruf Mahmud, penulis novel *Anak Din Biola*.



Rumah yang berusia hampir 100 tahun ini menyimpul pelbagai kenangan pahit dan manis.

*Apabila resah bermain di hati,
Rasa rindu tidak terperi;
Desa Hulu Yam Bharu yang kucintai,
Setiap detik berada di sanubari.*

*Jauh di mata, dekat di hati,
Aku sedar sendirian tidak upaya;
Namun desaku sentiasa bersemi,
Di dalam karyaku yang kucipta.*

*Rumah pusaka meniti zaman,
Tersergam indah disinar purnama;
Seribu kekasih seribu teman,
Menjelangnya ajal lenyap semua.*

-Maaruf Mahmud

Tahun-tahun awal

Maaruf Mahmud lahir pada 4 Disember 1920. Nama asal Maaruf ialah Abdul Rauf atau Mohd. Arof. Nama Abdul Rauf bukanlah atas kehendak ibu dan bapanya. Oleh sebab kesilapan polis menulis, nama itu tercatat Abdul Rauf. Ibu dan bapanya, mahukan nama Maaruf, yang diilhamkan sempena nama seorang peguam.

Beberapa kali setelah mengalami proses pertukaran nama, nama Abdul Rauf menjadi Mohd. Arof. Akhirnya, nama Maaruf bin Mahmud kekal dalam surat lahirnya.

Maaruf lahir dalam sebuah keluarga pendidik. Ayahnya Mahmud bin Ujang yang dilahirkan di Hulu Langat pada tahun 1898, ialah bekas guru lulusan Maktab Perguruan Melayu Melaka.



Maaruf Mahmud, Abdul Rauf, Mohd. Arof ialah orang yang sama.



Maaruf banyak mendengar cerita tentang Kota Melaka daripada ayahnya.

"Saya memang suka mendengar cerita dan suka bercerita dari dahulu hingga sekarang. Waktu usia saya empat tahun, saya dah melopong mendengar orang-orang tua bercerita."

- Maaruf Mahmud

Beliau pernah bertugas di beberapa buah sekolah di Selangor. Disebabkan Mahmud menentang sistem pentadbiran sekolah-sekolah Inggeris, yang ditadbir oleh pegawai Inggeris yang angkuh, Mahmud kerap bertukar tempat mengajar. Kehidupan berpindah-randah ini menjadikan Mahmud bagai mengemis di tanah air sendiri.

Ibu Maaruf ialah Syamsiah binti Haji Zainal Abidin. Syamsiah dilahirkan pada 1904 di Hulu Yam Bharu.

Maaruf membesar dibanyak tempat kerana mengikut ayahnya berpindah-randah.

Walaupun Mahmud berpendapatan tetap, tetapi gajinya tidaklah besar. Namun, Maaruf dapat hidup dengan baik dalam keadaan ekonomi ketika itu. Pada masa itu, makanan tidaklah begitu mahal.

Maaruf berasa bertuah sebab keluarga ayah dan ibunya termasuk keluarga 'tukang cerita'. Ketika usia enam tahun, Maaruf telah didedahkan dengan pelbagai cerita.

Pada usia itu juga, banyak kisah sejarah seperti *Kota Melaka*, *Perang Portugis*, dan cerita-cerita daripada *Hikayat Abdullah* yang didengari Maaruf. Semua itu membuatkan rasa minat kepada 'cerita' bertambah mendalam.

Maaruf pula sering berkhayal tentang cerita-cerita yang pernah didengarinya. Malah, cerita-cerita itu sering bertandang dalam mimpinya.

Kalau kanak-kanak lain menghabiskan masa dengan bermain guli, gasing, galah panjang atau layang-layang, Maaruf pula lebih banyak menghadap buku-buku cerita bagi mengisi masa senggangnya.

Bukulah menjadi teman tidurnya. Buku jugalah menjadi teman bermain Maaruf.

Maaruf lebih rapat dengan keluarga sebelah ibunya di Hulu Yam Bharu. Sekali-sekala sahaja,



Rumah pusaka sebelah bapa di Hulu Langat.

dia menziarah keluarga sebelah bapanya di Hulu Langat. Malah, bapanya sendiri lebih rapat dengan keluarga sebelah ibunya.

Kasih sayang ayah dan ibu dijadikan penawar untuk meneruskan hidup. Namun, Maaruf mengalami sedikit kerusuhan akibat penceraian ayah dan ibunya sewaktu Maaruf masih lagi kecil.

Maaruf kembali ke desa Hulu Yam Bharu dan tinggal dengan keluarga datuknya. Maaruf berasa kehilangan kasih sayang. Perasaan rindu terhadap ayah begitu menebal di hatinya. Perpisahan begini tidak pernah diminta olehnya dan amat menyedihkan hatinya.

*Bila datang bawalah delima,
Jikalau pulang bawalah duku;
Bila petang rindu menjelma,
Jikalau burung terbanglah aku.*

Keceriaan hidup Maaruf akhirnya kembali semula apabila ayahnya rujuk dengan ibunya. Maaruf berasa hidupnya kembali berseri dan mendapat penawar baru.

Ayah Maaruf meninggal dunia pada tahun 1950 di Hulu Yam Bharu ketika usianya 52 tahun.

Di sebalik sikap bengisnya, Mahmud sangat prihatin terhadap tenaga pengajar dan murid-murid di sekolahnya. Padang sekolah, kebun sayur dan uniform sekolah adalah antara perkara yang dilaksanakan Mahmud di sekolahnya.



Mahmud Ujang atau Harimau Malaya, bapa Maaruf.

Mahmud meninggalkan sebuah buku yang amat besar nilainya kepada generasinya terutama Maaruf iaitu *Riwayat Guru-guru Melayu Selangor dari Tahun 1902-1940*.

Maaruf kagum akan ayahnya kerana buku itu ditulis dan diterbitkan sendiri dengan dorongan bekas murid yang disayanginya iaitu Abdul Samad Ahmad, juga seorang penulis terkenal tanah air.

Minat awal dalam bidang penulisan

“Air liur saya selalu meleleh apabila saya ternganga mendengar Ulong bercerita,” kata Maaruf sambil ketawa apabila mengingati gelagatnya ketika kecil.


Maaruf suka mendengar cerita. Berapa lama pun orang bercerita, Maaruf asyik mendengarnya dengan mulut ternganga. Selalunya, ibu saudaranya bernama Bedah iaitu kakak ibunya yang dipanggil Ulong, sering bercerita tentang *Bawang Putih Bawang Merah*, *Si Tenggang* dan *Batu Belah Batu Bertangkup*.

Ulong pandai bercerita. Selalunya dia bercerita sambil bersyair. Ini membuatkan Maaruf terpicat dan selalu ingin mendengar tanpa jemu-jemu.

Cerita-cerita sedih, gembira dan seram menjadi kesukaan Maaruf. Malah, cerita-cerita begini akan terbawa-bawa ke dalam tidur dan sering kali pula menjadi mimpi. Keseronokan mendengar cerita itu juga membuatkan Maaruf menaruh minat yang mendalam kepada penulisan.

Selain itu, Maaruf juga mempunyai tabiat suka kepada buku-buku bergambar yang banyak dibeli oleh ayahnya. Buku-buku cerita itu dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Buku itu dibawa ke mana-mana sahaja dia pergi. Tabiat itu tidak dapat dikikis hinggalah dia dewasa.

Maaruf juga mempunyai sifat suka bertanya dan ingin tahu sesuatu kejadian yang ditemuinya.



Maaruf suka menulis menggunakan pensel dan buku latihan sekolah anaknya.

Ayah dan ibunya ialah yang menjawab segala pertanyaan Maaruf itu.

“Budak Maaruf ni, kalau minat sesuatu hal, banyak yang nak dia tahu,” kata Mahmud kepada isterinya.

“Baguslah, suatu hari nanti dia boleh mudah faham,” kata Shamsiah, ibu Maaruf.

Dorongan ingin tahu dan pendedahan awal kepada dunia buku inilah, sedikit demi sedikit cinta Maaruf terhadap penulisan mula tumbuh. Kecintaan itu kian menjalar apabila dia tahu mereka-reka sesuatu cerita.

Maaruf juga berminat terhadap muzik dan lukisan. Namun bakatnya lebih terserlah dalam bidang penulisan. Begitu pun banyak pengalaman terhadap muzik, dikutip dan dijadikan tema novelnya. Antaranya novel *Anak Din Biola* yang memenangi hadiah utama anjuran ESSO-GAPENA yang mengisahkan kecintaan Maaruf terhadap biola kesayangannya. Novel itu juga mengukir kenangan terhadap guru biolanya di Maktab Perguruan Tanjong Malim, Cikgu Yob bin Rawan.



Menggunakan pensel memudahkan Maaruf untuk memadam ayat-ayat yang tidak sesuai. Semua catatan dibuatnya dalam buku latihan sekolah yang hingga kini masih ada tersimpan.

"Inilah tinggalan untuk anak cucu saya bila saya telah tiada nanti."

-Maaruf Mahmud

"Melukis, bermain alat muzik dan menulis adalah kecintaan saya," kata Maaruf. "Tapi, tumpuan kepada penulisan agak lebih."

Maaruf meninggalkan terus bidang muzik dan melukis demi menumpukan minatnya kepada penulisan. Mungkin bakat menulis yang dianugerahkan oleh Allah sangat kuat dalam dirinya di samping dorongan dan sokongan keluarga terutama ayahnya yang juga seorang penulis.

"Dalam penulisan, saya lebih menumpukan untuk bacaan kanak-kanak dan remaja, daripada menulis cerita-cerita dewasa," kata Maaruf.

"Barangkali, ketika itu buku untuk kanak-kanak dan remaja amat kurang. Lagipun saya menyukai bidang kanak-kanak dan remaja berbanding dewasa."

Di tengah keluarga

Maaruf anak sulung daripada tujuh beradik (dua adik berlainan ibu). Maaruf amat rapat dengan ayahnya. Malah, dia dianggap anak yang manja dan kesayangan sewaktu kecil.

Maaruf cukup hormat dan patuh akan kata-kata ayah dan ibunya. Dia tidak pernah membantah. Maaruf cukup sayang kepada ibu dan ayahnya.

Pada peringkat awal, Maaruf mendapat didikan di desa kelahirannya. Maaruf terpaksa berpindah sekolah beberapa kali kerana tugas ayahnya sebagai guru. Namun, Maaruf beruntung kerana perpindahan tempat tinggal dan sekolah mendedahkan dirinya kepada pengalaman dan pendidikan.

"Jauh perjalanan, luas pengalaman." Kata-kata ini selalu diingat dan tersemat dalam hatinya.

Maaruf juga didedahkan dengan pengajian al-Quran dan agama. Maaruf berasa beruntung



kerana rapat dengan seorang anak angkat bapanya yang bernama Haji Othman. Haji Othman pandai membaca al-Quran dan berqasidah.

Semasa ayahnya mengajar di Port Swettenham, kini dikenali sebagai Pelabuhan Klang, banyak cerita suka duka yang dapat dikutip. Antaranya pengalaman menaiki kereta api pergi ke sekolah Inggeris di Klang. Dia juga pernah menaiki beca yang ditarik oleh seorang Cina tua bernama Ah Soon.

Waktu petang, Maaruf sering dibawa oleh ayah dan ibunya ke pelabuhan. Di situ dia berasa cukup seronok apabila dapat melihat kapal-kapal memunggah barang. Melihat kapal datang dan pergi meninggalkan pelabuhan. Air laut yang tenang ada kala sedikit berombak, membuai perasaannya. Peluit yang berbunyi ketika kapal memasuki pelabuhan pula menjadi suatu pengalaman yang sukar dilupakan.

Pengalaman menaiki kereta api setiap pagi ke sekolah Inggeris di Klang masih segar dalam ingatan Maaruf.



Bidang seni lukis juga bercambah ketika Maaruf berada di Klang. Ketika berusia dua belas tahun, dia berkenalan dengan seorang pelukis bernama Megat, berasal dari negeri Perak tetapi sering berada di Port Swettenham, kerana melukis.

Sewaktu tinggal di Port Swettenham, Maaruf mempunyai seorang kawan rapat bernama John. Bapa John seorang pegawai kastam berbangsa Inggeris. Di sini juga, Maaruf terdedah kepada opera dan bangsawan terutama sekali alat-alat muziknya yang menerbitkan bunyi yang cukup merdu dan menawan hati.

“ Kalau telah menjadi orang kaya, aku tidak akan lupa daratan serta terus membuat ibadat kepada Allah.”

- Maaruf Mahmud

Zaman persekolahan

Pada usia lima tahun, Maaruf mula merengek-rengok meminta ibunya menghantarnya ke sekolah. Kezamannya yang meluap-luap itu tidak direstui oleh ibunya. Alasannya, Maaruf masih kecil. Hanya orang yang besar layak ke sekolah.

Namun, keinginan Maaruf tertunai juga akhirnya. Pada tahun 1927, Maaruf mula menjejakkan kaki ke sekolah. Maaruf amat gembira kerana dapat belajar. Sekolah Melayu Hulu Yam Bharu merupakan tempat Maaruf mula-mula menimba ilmu. Sekolahnya ketika itu berdinding papan, beratap zink, dan dindingnya pula disekat-sekat untuk mengasingkan bilik darjah. Persekitaran sekolah pula dikelilingi oleh pokok getah.

Maaruf makin seronok belajar. Bangun pagi untuk ke sekolah tidak menjadi halangan baginya. Dia seronok melihat matahari pagi yang terbit di balik kemuncak Gunung Hulu Kali, yang diselaputi kabus. Air Sungai Kalong yang jernih pula mengalir lesu di bawah jambatan.



Bangunan asal Sekolah Melayu Hulu Yam Bharu yang masih dikekalkan.

"Berskolah pada zaman dahulu, berbeza dengan zaman sekarang," kata Maaruf. "Tapi, yang dahulunya lebih manis. Lebih indah dan lebih banyak memberikan kenangan."

Di sekolah, Maaruf merupakan seorang pelajar yang nakal. Maaruf pernah dihukum berdiri di atas bangku. Walaupun nakal Maaruf tetap disayangi oleh gurunya. Antara guru yang pernah mendidiknya ialah Cikgu Hussin bin Binok dan guru besarnya Mohd. Halim. Kedua-dua guru ini mengajarnya ketika dia dalam darjah dua. Dia merupakan pelajar yang terawal datang ke sekolah. Rajin pula membawa bunga untuk penyeri di dalam kelas.

Maaruf aktif bermain bola sepak dan giat dalam nyanyian. Di sekolah ini jugalah cita-cita Maaruf mula dikesan. Ketika ditanyai guru, apakah cita-citanya setelah dewasa nanti, dengan pantas Maaruf menjawab:

"Nak jadi penulis cerita," kata Maaruf.

"Berapa sen yang kau dapat dengan menjadi penulis cerita?" tanya guru besarnya. "Fikirlah, bapa kamu seorang guru. Tidakkah kamu mahu menjejak langkahnya menjadi guru?" tanya guru besarnya lagi.



*Sungguh pahit buah peria,
Ditumis, enak dimakan;
Yang dahulu, indah belaka,
Semuanya tinggal di lipatan kenangan.*

Bangunan baru sekolah Hulu Yam Bharu.

Maaruf diam sahaja kerana selain ingin menjadi penulis, dia juga teringin untuk menjadi peguam, doktor atau pegawai tinggi yang lain.

Selama tiga tahun belajar di Sekolah Melayu Hulu Yam Bharu, Maaruf terpaksa mengikut ayahnya berpindah ke Port Swettenham.

Di Klang, Mahmud menjadi guru besar di sebuah sekolah Inggeris. Banyak perubahan yang telah dilakukan oleh Mahmud untuk memajukan sekolahnya.



Maaruf (barisan hadapan kanan sekali) ketika belajar di Sekolah Inggeris di Klang. Ayahnya, Mahmud Ujang (berkot hitam) menjadi guru besar di sekolah itu.

Pantun Maaruf untuk allahyarham ayahnya:

*Bukit Kepayang langsungnya subur,
Indah merendang daun ketumbar,
Purnama idaman bintang-bintangan,
Kota Daik lambang berukir;*

*Putih tulang jasadmu terbujur,
Darah juang kekal berkobar,
Jasa pengorbanan jadi kenangan,
Nama yang baik lambang mutakhir.*

BAB 2

CABARAN DI ALAM REMAJA

"Wang itu penting dalam hidup di dunia. Sebab itulah kita perlu tekun mencari dan menyimpan wang macam mereka."

Itulah pesanan ibu Maaruf kepadanya ketika dia merungut-rungut kepenatan melayan kerenah pelanggan yang datang ke gerai.



Mendapat galakan ayah

Walaupun Mahmud seorang guru besar pada masa itu, namun pendapatannya adalah kecil. Gajinya tidak mencukupi untuk perbelanjaan setiap bulan. Bagi menambahkan pendapatan keluarga, ayah dan ibu Maaruf mula berniaga.

Selepas bertugas di sekolah, Mahmud menjual buah durian, manggis, duku, langsung dan rambutan. Pendapatan menjual buah-buahan itu boleh menampung kekurangan yang ada.

Bagaimanapun, pihak kerajaan melarang guru-guru berniaga. Sesiapa yang didapati berniaga akan dibuang kerja. Namun, dalam diam-diam ibu Maaruf tetap berniaga, walaupun banyak halangan yang diterimanya. Maaruf membantu ibunya berniaga dan tetap tabah menghadapi kemiskinan yang dihadapi oleh keluarganya. Ini semua adalah rentetan pengalaman kepadanya.

Dalam keperitan hidup keluarga inilah Maaruf terus membesar. Di Port Swettenham, ayah Maaruf aktif dalam kegiatan masyarakat setempat dan Persatuan Guru-guru Melayu Selangor. Mahmud menjadi ahli jawatankuasa tetapi dianggap sebagai 'kaki bangkang'.

Pada masa itu, *Majalah Guru* mula diterbitkan bagi guru-guru mengasah bakat sebagai penulis di samping melepaskan perasaan

dan rasa terkilan di hati. Dalam majalah inilah medan Mahmud menulis bagi meluahkan rasa terkilan dan tidak puas hatinya. Namun, tidak semua tulisan dapat disiarkan, kerana telah ditapis supaya tidak menyinggung perasaan orang lain.

Maaruf mengambil kesempatan membaca *Majalah Guru* itu. Dia turut membaca tulisan-tulisan ayahnya dalam majalah tersebut. Mahmud pula menggalakkan Maaruf membaca majalah, buku cerita dan buku pengetahuan yang lain.

Majalah Guru bertulisan jawi diterbitkan pada tahun 1924 hingga tahun 1949. Pada tahun 1951, barulah *Majalah Guru* bertulisan rumi diterbitkan.

Maaruf memang gemar membaca *Majalah Guru*, kerana di dalamnya terdapat ruangan cerpen, puisi, syair dan pantun. Pada kulit *Majalah Guru* ada sebuah iklan piring hitam yang memang menjadi kegemaran Maaruf.

Sejak membaca *Majalah Guru* itu juga, semangat Maaruf untuk menjadi penulis berkobar-kobar. Maaruf seronok melihat nama pengarang yang tercatat pada karya yang disiarkan. Malah nama anggota sidang pengarang *Majalah Guru* sudah diingat oleh Maaruf, seperti Cikgu Zainal Abidin Ali, Cikgu Abdullah Yahya, Cikgu Mohd. Nor Mohd., Cikgu Mohd. Yassin Salleh, dan Mohd Yassin Makmor (Punguk).



Majalah Guru bertulisan rumi (1952).



"Banyakkan membaca buku," kata Mahmud sebagai galakan kepada Maaruf.

Hobi membaca masih diteruskan walaupun Maaruf kini semakin dimamah usia.



Cita-cita berubah arah

"Saya mahu jadi guru," kata Maaruf suatu hari. Mahmud tidak terkejut. Malah, memberi semangat dan dorongan kepada Maaruf ketika itu. Entah kenapa, cita-cita Maaruf telah berubah dengan tiba-tiba.

Inilah yang dirasakan oleh Maaruf. Maaruf tidak lagi bercita-cita hendak menjadi peguam, pegawai tinggi atau doktor. Kini lapangan perguruan menjadi pilihannya.

Maaruf memperoleh tiga sijil Darjah V, dan mendapat keputusan cemerlang pada tahun 1933. Dia layak dipilih sebagai guru pelatih. Namun, kerana sesuatu sebab, Maaruf gagal.

Awal tahun 1934, Maaruf belajar di Sekolah Melayu Sungai Selisik dalam Darjah V, bagi mendapat markah yang tinggi, sekali gus melayakkannya menjadi guru.

Akhirnya, Maaruf telah berjaya menjadi guru di Kalumpang. Sebagai seorang guru pelatih pangkat IV-B, Maaruf ditetapkan oleh guru besar sebagai penyelia kebun sayur dan taman sekolah. Di sekolah inilah juga, Maaruf menjadi jurulatih bola sepak pasukan sekolah. Pasukan bola sepaknya pernah menjadi johan peringkat sekolah Hulu Selangor.

Maaruf sebagai jurulatih pasukan bola sepak Sekolah Melayu Prince's Road Kuala Lumpur - 1955.



Setelah mengajar selama dua tahun, Maaruf meninggalkan Kalumpang kerana memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) di Tanjung Malim. Kampung Kalumpang sebenarnya bersempadan dengan Tanjung Malim, tempatnya belajar.

Belajar di SITC, menjadi kebanggaan Maaruf. Di sinilah Maaruf mula mendapat pengalaman dan pengajaran yang cukup baik serta berguna sebagai seorang pendidik.



(Baris hadapan – ketiga dari kanan) Di SITC. Maaruf aktif dalam bidang sukan terutamanya bola sepak.

Cabaran menjadi guru

Tarikh 20 November 1939, dianggap keramat oleh Maaruf. Setelah tamat latihan di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Maaruf mula bertugas sebagai guru di Sekolah Melayu Batang Kali, yang terletak kira-kira empat batu sahaja dari desa Hulu Yam Bharu. Jarak yang dekat inilah yang membuatkan Maaruf gembira apabila menerima surat arahan bertugas sebagai pendidik di sekolah itu.



Maaruf Mahmud sebagai Ketua Pasukan Badminton Guru-guru Melayu Kuala Lumpur (1953) bersama-sama perisai johan beregu.

Maaruf membeli sebuah basikal *Releigh*. Harganya ialah RM68.80. Pada masa itu, harga sebegitu dianggap mahal. Dengan basikal *Releigh* itulah Maaruf berulang-alik mengajar setiap hari. Pagi-pagi berkabus lagi Maaruf sudah mengayuh basikal melalui sebatang jalan dalam kawasan ladang getah. Maaruf rasa bersyukur kerana tempatnya mengajar tidak begitu jauh dari desa kelahirannya.

Di samping tugasnya mengajar, Maaruf telah diarahkan pula oleh Pegawai Daerah Hulu Selangor, sebagai 'pemerhati' kepada kapal terbang Jepun yang sering melintasi kawasan Batang Kali. Ketika itu peperangan sudah hampir meletus.

Menurut Pegawai Daerah, kononnya tentera Jepun hendak menyiasat jambatan Batang Kali yang bakal digunakan oleh Jepun untuk membawa kereta kebal dari utara ke selatan, sekiranya Jepun mendarat di Tanah Melayu.

Maaruf bersetuju melakukannya kerana dijanjikan dengan sedikit bayaran. Bagi melaksanakan tugas itu, sebuah pondok kecil didirikan di atas Bukit Candang, tidak berapa jauh dari sekolah tempat Maaruf mengajar. Tugas Maaruf ialah mencatat masa, nombor, serta arah datang dan perginya kapal terbang tersebut. Malangnya pekerjaannya ini sia-sia belaka, kerana bayaran yang dijanjikan telah dihabiskan oleh orang yang tidak bertanggung jawab. Maaruf hanya menggigit jari.

Pada 12 November 1941, Maaruf ditukarkan ke Sekolah Melayu Prince's Road (kini, Sekolah Melayu Jalan Raja Muda), di Kuala Lumpur. Secara tidak langsung Maaruf menjadi warga kota Kuala Lumpur. Nasib Maaruf dianggap bertuah kerana dia disediakan sebuah rumah guru dalam kawasan sekolah. Walaupun rumahnya sederhana besar, Maaruf berasa cukup selesa, kerana dia

tinggal seorang diri. Di sekolah ini bakat Maaruf sebagai jurulatih bola sepak lebih menyerlah. Suatu yang menjadi kebanggaan Maaruf ialah Maaruf pernah melatih raja bola sepak, Abdul Ghani Minhat. Beberapa orang muridnya juga menjadi pemain bola sepak Pasukan Melayu Selangor dan Pasukan Negeri Selangor.

Di sekolah ini juga, kerjaya Maaruf semakin maju sedikit demi sedikit. Selain menjadi guru besar, Maaruf juga dipilih memegang jawatan Pemangku Pelawat Lukisan Sekolah-Sekolah, menggantikan Cikgu Idris yang melanjutkan pelajaran ke luar negeri.

Semasa berada di kitar inilah, minat Maaruf dalam bidang penulisan sastera mula timbul. Banyak peristiwa dan kejadian yang dialami telah dijadikan bahan penulisannya. Walaupun gembira tinggal di bandar, namun jiwa halus Maaruf yang romantis serta lembut sentiasa terkenangkan kampung halamannya yang menghijau, gunung-ganang yang membiru dan sungai yang mengalir tenang.

Zaman perang

Pada masa Maaruf menjadi warga kota, penghujung tahun 1941, bahang peperangan mula menghantuinya. Penghuni kota mula sibuk mencari tempat selamat kerana bimbang keganasan tentera Jepun. Mereka telah memilih sebuah kampung yang jauh di sebelah hulu, Hulu Yam Bharu. Mereka membawa bekalan makanan dan sebagainya. Murid-murid pula tidak lagi berani pergi ke sekolah, kerana ibu bapa mula curiga perang akan meletus pada bila-bila masa sahaja.

Kubu-kubu dibina untuk tempat berlindung. Pendek kata, bahang perang telah dirasai dan menghantui penghuni kota. Maaruf juga mula



"Asia untuk orang Asia, Tanah Melayu mesti orang Melayu yang perintah," ucap Maaruf dengan semangat yang berkobar-kobar apabila mengetahui hasrat orang-orang Jepun hendak memerintah Tanah Melayu.



membayangkan betapa ganas dan kasarnya tentera Jepun. Ketakutan itu mula menghantui perasaannya setiap detik.

Pada 8 Disember 1941, Jepun mula mendarat di Tanah Melayu. Pendaratan pertama di Kelantan, kemudiannya, merebak ke Terengganu, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

Sekolah mula ditutup dan ramai rakan Maaruf mula pulang ke desa. Maaruf mengambil keputusan pulang ke Hulu Yam Bharu.

Berada di kampung, rupa-rupanya tidak selamat juga. Maaruf mula diburu polis, kononnya terlibat dalam Kesatuan Melayu Muda (KMM). Rakan-rakannya seperti Haji Masod, Alias Hussin, Cikgu Abdullah Nafi dan Cikgu Karim ditangkap. Mereka telah dibawa ke Penjara Changi di Singapura.

Beberapa bulan Maaruf dihantui ketakutan, kalau-kalau ditangkap oleh pihak polis. Namun, nasibnya sentiasa sahaja baik dan terselamat daripada ditangkap.

Zaman Jepun yang dilalui Maaruf penuh dengan kesengsaraan dan kegetiran. Setelah Jepun memerintah Tanah Melayu, kehidupan telah berubah sama sekali. Maaruf terpaksa berpindah-randah. Makanan pula sukar didapati. Semua rakyat diperintah bercucuk tanam dengan tanaman yang mudah dan mendapat hasil segera seperti ubi kayu, pisang dan keledek. Ada juga penduduk yang masuk ke hutan mencari buah-buahan yang boleh dimakan atau dijual seperti petai dan jering. Namun, kehidupan yang sengsara itu, memberikan suatu pengalaman menarik dan sukar dilupakan oleh Maaruf. Di zaman Jepun juga Maaruf terpaksa berniaga cili api bersama-sama Abang Tulis dan Wan Lonjak di Pasar Chow Kit. Kadang-kadang, cili api mereka habis diborong pembeli sebelum sampai di pasar lagi.



Keperitan hidup di zaman Jepun digambarkan oleh Maaruf dalam novel Pelita yang Menyala dan Kisah Zaman Jepun. Novel Pelita yang Menyala memenangi Hadiah Penghargaan Peraduan Menulis Novel Sejarah (Kanak-kanak) DBP, 1981.

Mei 1942, kelas bahasa Jepun mula dibuka di seluruh negara dan di sinilah Maaruf mula belajar bahasa Jepun. Maaruf beranggapan bahasa Jepun suatu mata pelajaran yang baru dan menarik.

Alam Perkahwinan

Kehidupan daif zaman Jepun, tidak menghalang Maaruf mendirikan rumah tangga. Pada 29 Julai 1942, Maaruf diijabkabulkan dengan seorang gadis bernama Zaleha Hussin. Zaleha dilahirkan di Kuala Lipis pada tahun 1927. Bapanya, Hussin Alias dan ibunya Rokibah Haji Mohd. Amin. Zaleha anak kedua daripada empat beradik. Sebelum berkahwin dengan Maaruf, Zaleha seorang guru di Sekolah Melayu Rawang, Selangor.



Zaleha Hussin

Walaupun berkahwin di zaman perang, Maaruf masih berasa seronok kerana dalam diam-diam, dia memang ada hati terhadap Zaleha, guru penolong kepada ayahnya di Rawang.



Zaleha banyak memberi ilham dan membantu Maaruf berkarya, tetapi ketika karya Maaruf mendapat penghargaan, dia tidak suka menonjolkan dirinya. "Dia begitu pemalu dan merendah diri."

Maaruf Mahmud.

Maaruf dianggap bertuah kerana isterinya juga seorang guru. Malah, mempunyai minat yang sama dalam bidang penulisan. Zaleha berbakat besar dalam bidang penulisan. Namun, disebabkan kesibukan mendidik anak-anak, bakat penulisannya tidak diteruskan.

Perkahwinan itu dikurniakan enam orang anak, iaitu Adnan, Annuar, Kamarudzaman, Shaharuddin, Ahmad Mazlan dan Ahmad Affendy. Anak-anaklah yang menyerikan hidup Maaruf dan Zaleha yang dicintainya.

Demi menjaga anak-anak supaya selesa, Zaleha telah meletakkan jawatannya. Kebajikan dan kehidupan anak-anak adalah penting, di samping menjaga suami yang dikasihi. Maaruf merestui pengorbanan Zaleha yang dicintainya dan amat berterima kasih.



Kamaruzaman, Adnan dan Annuar (hadapan dari kiri), Shaharuddin, Ahmad Mazlan dan Ahmad Affendy (belakang dari kiri).

"Saya berasa bangga dengan kejayaan mereka. Rasanya hilang segala penat lelah selama ini. Lagipun ini memang cita-cita saya, agar anak-anak berjaya dalam hidup masing-masing," ujar Zaleha, yang pernah dipilih sebagai isteri mithali oleh sebuah akhbar tabloid.

"Kalau dimakbulkan Tuhan, bila saya dan ayahnya dah tak ada, anak-anak kami yang berenam ini akan terus mempertahankan nama baik keluarga yang kami bina selama ini."

- Zaleha Hussin.

"Kamu mesti menjadi penulis terkenal."

Inilah kata-kata Mahmud yang menjadi perangsang kepada Maaruf untuk berkarya.

Mengasah bakat penulisan

Kehidupan Maaruf pada zaman yang penuh sengsara di zaman Jepun, semacam menghidupkan minatnya untuk menjadi penulis. Banyak bahan yang dikumpulkan oleh Maaruf, kerana dia bercadang untuk mencurahkan segala pengalaman dalam cerpen ataupun novel.

Apa-apa saja yang dialami oleh Maaruf, yang dianggap menarik, dirakam sebanyak mungkin dalam buku catatannya. Maaruf mengumpul banyak maklumat tentang pentadbiran Jepun, ekonomi, pelajaran dan juga taktik perang.

Maaruf juga berpeluang mengenali seorang penulis cerita kanak-kanak dari Tokyo, bernama Fushimi. Melalui Fushimi, dia banyak mendapat rangsangan. Selain itu, Fushimi turut memperkenalkan seorang lagi penulis, iaitu Sakaguchi kepada Maaruf.

Beberapa buah buku karangan Sakaguchi yang telah diterjemah ke bahasa Melayu telah dibaca oleh Maaruf. Maaruf turut menjadi penyunting kepada buku Sakaguchi dan menulis semula terjemahan buku itu.

Pada ketika itu, Maaruf bukan seorang penulis. Namun, dorongan dan galakan Sakaguchi, semacam api yang disimbahi minyak. Tambahan pula, wajah ayu Sakaguchi menyemarakkan lagi minat Maaruf untuk menjadi penulis.

Sewaktu perang tamat, Maaruf masih mengajar. Di sinilah Maaruf mula bergiat menghasilkan karya. Tetapi Maaruf tidak pula berpeluang menerbitkan karyanya, kerana sukar bagi Maaruf untuk mencari penerbit. Tambahan pula, Maaruf bukanlah seorang penulis yang terkenal.

Namun begitu, semangat Maaruf untuk menjadi penulis semakin berkobar. Di samping

itu dia sering menemui beberapa rakannya yang menjadi pengarang *Majalah Guru* seperti Cikgu Yassin Makmor, Cikgu Yassin Salleh dan sesekali Abdul Samad Ahmad.

Untuk menambah pengetahuannya, Maaruf rajin membaca. Memang inilah kegemarannya sejak kecil. Syarikat Buku Abdul Hamid, di Batu Road (sekarang Jalan Tuanku Abdul Rahman), adalah tempat Maaruf meminjam buku. Abdul Hamid seorang berketurunan India Muslim, banyak membantunya dengan membenarkan Maaruf meminjam buku. Buku-buku yang dipinjam itu, terpaksa pula dibaca dengan cepat, kerana akan dipulangkan kepada Abdul Hamid dengan segera. Buku-buku itu sangat laris di pasaran ketika itu.



Abdul Samad Ahmad



Maaruf rajin mencatat pelbagai peristiwa menarik dalam buku catatannya.

"Mana tahu, suatu hari nanti, aku akan tulis autobiografiku," bisik hati Maaruf. "Ini penting untuk generasiku nanti".

BAB 3

PAHIT MANIS ZAMAN UBI KAYU

Zaman ubi kayu

Pada zaman Jepun atau zaman ubi kayu, Maaruf dipanggil mengajar bahasa Jepun dan *taiso* di Maktab Teknik, Kuala Lumpur. Maktab tersebut terletak di High Street (sekarang Jalan Bandar) bekas bangunan Sekolah Victoria Institution.

Pelbagai kenangan pahit dan manis dihadapi Maaruf pada zaman Jepun. Ubi kayu atau keledak menjadi makanan harian mereka, kerana waktu itu tidak ada beras.

Dalam kepahitan menempuh kehidupan harian, adakalanya kelucuan pula yang dirasanya. Pernah bibirnya melecur ketika makan ubi kayu bakar. Ini dialami oleh Maaruf ketika menjadi



Maktab Teknik atau *Shitan Gakko* dalam bahasa Jepun.



Oleh sebab Maaruf 'hantu pisang', suatu malam Maaruf sanggup memikul setandan pisang ke asramanya. Malangnya perbuatan Maaruf disedari oleh Nakahara San atau "BADANG". Habis setandan pisang itu dimakan Si Badang. Maaruf hanya memandang sambil menggigit jari.

Itulah antara peristiwa lucu dalam hidup Maaruf di zaman Jepun.

pengajar di Maktab Teknik. Selepas mengajar di Maktab Teknik, Maaruf dilantik sebagai penyelia di Junior Technical College, iaitu sebuah cawangan sekolah teknik yang baru dibuka di Jalan Imbi.

Jepun terus berada di Tanah Melayu. Keadaan hidup rakyat Tanah Melayu seperti hidup dalam neraka. Orang yang sakit terbiar tidak diubat walaupun berada di hospital. Ada yang kebulur tidak makan. Ramai yang mati diserang pelbagai penyakit. Sementara orang yang makan gaji, gajinya tidak mencukupi.

Merompak dan menyamun adalah perkara biasa ketika itu. Kadangkala manusia sanggup berkelahi kerana berebutkan makanan. Hanya orang yang kuat iman sahaja tahan sabar dan tabah menerima ujian-Nya.

Pelbagai pekerjaan juga dilakukan oleh Maaruf bagi menampung kehidupannya. Gajinya sebagai guru tidak cukup malah ada kala tidak ada langsung. Kalau tidak melakukan kerja lain, tentu tidak makan pula.

Jepun menyerah kalah

Pada hari-hari terakhir derita berada di bawah kuasa Jepun, Maaruf mendapat tahu Amerika telah mengebom Hiroshima dan Nagasaki. Akibat pengeboman itu, kuasa Jepun terus lumpuh.

Akhirnya, pada 12 September 1945, Jepun pun menyerah kalah kepada Pasukan Bersekutu di Kuala Lumpur. Usia Maaruf pada ketika itu ialah 25 tahun.

Tamatlah derita berada pada zaman ubi kayu. Maaruf berasa dapat bernafas dalam udara yang baru. Inggeris kembali memerintah Tanah Melayu.

Penjajah Inggeris mahu menyatukan negerinegeri Melayu. Mereka mahu Raja-raja Melayu menyerahkan hak pendaulatan mereka pada tahun 1945, di bawah konsep *Malayan Union*.

Namun begitu, Maaruf dan ramai rakannya tidak bersetuju dengan gagasan *Malayan Union*. Kuasa Raja-raja Melayu akan habis. Oleh itu, Maaruf dan rakan-rakan bersepakat menentang *Malayan Union*.



Pegawai tentera Jepun menyerahkan pedang sebagai tanda menyerah diri.



Dato' Onn menentangi perhimpunan menentang *Malayan Union*.

Keinginan supaya negara sendiri diperintah oleh orang Melayu begitu melonjak dalam diri Maaruf. Kehadiran penjajah Inggeris tidak menyenangkannya. Dia mahu menghalau penjajah. Oleh itu, bersama beberapa orang rakan seperti Hamzah Alang dan Haji Masod, Maaruf mula menentang *Malayan Union*.

Apabila Dato' Onn berpidato, mereka pun turut hadir mendengarnya. Raja-raja Melayu sedar, bagaimana Harold Mac-Michael cuba mempermainkan mereka. Akhirnya, disebabkan keengganan Raja-raja Melayu menandatangani perjanjian tersebut, *Malayan Union* terpaksa dibatalkan. Persekutuan Tanah Melayu pula dibentuk.



Dato' Onn telah menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) sebagai membantah penubuhan *Malayan Union*.

Pemerintahan *Malayan Union*, menjadi ilham kepada Maaruf menghasilkan novel kecil. Novel yang berjudul *Perjuangan Terakhir* itu ditulis pada tahun 1981, setelah lima tahun Maaruf bersara dari Dewan Bahasa dan Pustaka. "Melalui novel ini, semoga anak-anak tahu, bagaimana semangat nasionalis bapa mereka menentang penjajah," kata Maaruf. "Melayu tak akan hilang di dunia."

Kehidupan zaman darurat

Maaruf tidak dapat melupakan kata-kata Dato' Onn dalam pidatonya. "Menentang *Malayan Union* adalah suatu perjuangan terakhir dan Melayu tidak akan hilang di dunia."

Dalam pidato penuh semangat itulah, Maaruf melihat air mata Dato' Onn mengalir di pipi. Terharu dengan peristiwa itu, Maaruf turut menangis. Maaruf menangis bukan kerana takut, tetapi geram, benci dan semangat yang memuncak mendatangi dirinya. Akibat kemusnahan *Malayan Union*, berlaku pula darurat pada bulan Jun tahun 1948.



Sekatan jalan raya sentiasa diadakan ketika zaman darurat.



Sir Hendry Gurney –
Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan
Tanah Melayu yang dibunuh
pada 6 Oktober 1951.

Pertempuran berlaku antara askar dengan pengganas, menyebabkan Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu ketika itu terbunuh. Peristiwa ini berlaku dalam tahun 1951.

Zaman darurat kehidupan kembali susah. Maaruf terpaksa berulang-alik dari Kampung Baru ke Rawang, tempat bapanya menjadi guru besar, dengan menaiki kereta api.

Pada tahun 1946 inilah, anak kedua Maaruf iaitu Annuar dilahirkan. Kelahiran Annuar semacam memancarkan sedikit sinar hidup Maaruf yang susah.

Darurat berjaya juga ditamatkan. Dato' Onn telah digantikan oleh Tunku Abdul Rahman, yang kemudiannya menjadi Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama. Tunku Abdul Rahman juga yang berjuang menuntut kemerdekaan daripada British.




Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu.



Kehidupan Maaruf semakin bahagia setelah darurat tamat. Tambahan pula dia telah dilantik sebagai guru besar di Sekolah Melayu Prince's Road, Kuala Lumpur.



Anak-anak Maaruf dan Zaleha. Dari kanan: Annuar, Adnan, Kamarudzaman dan Shahrudin.



Ahli jawatankuasa penerbitan majalah *Hiboran Kanak-kanak*.

Majalah kanak-kanak

Pada bulan November 1952, sebuah majalah untuk kanak-kanak telah diterbitkan. Majalah *Hiboran Kanak-kanak* namanya. Lady Templer, isteri Sir Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu ketika itu, yang mencetuskan idea hingga majalah ini diterbitkan. Cetusan itu timbul setelah Lady Templer melawat kawasan perkampungan dan sekolah. Waktu itu bahan bacaan khusus untuk kanak-kanak amat kurang.

Pengerusi pengelola penerbitan ialah M.C. Sheppard, manakala Lady Templer menjadi pengasasnya. Majalah ini diterbitkan setiap akhir bulan dan dihantar pula ke sekolah-sekolah di seluruh Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.

Maaruf telah ditugaskan sebagai penulis dan pengelola ruangan peraduan. Dia juga ditugaskan sebagai penggulung majalah untuk diposkan. Sementara seorang muridnya bernama Ahmad Kamal Abdullah turut membantu Maaruf mengepos majalah itu. Ahmad Kamal Abdullah kemudiannya terkenal sebagai penulis dengan nama penanya Kemala.

Tugas Maaruf yang penting ialah mengelolakan peraduan menyambung cerita. Awalan sesuatu cerita dituliskan dan pembaca yang berminat untuk menyertai peraduan tersebut



Ahmad Kamal Abdullah (Kemala).

akan menamatkan cerita itu dengan pelbagai rekaan mereka pula.

Hadiahnya berupa wang tunai. Hadiah pertama RM5.00, kedua RM3.00 dan ketiga RM2.00. Ramailah pembaca yang menghantar karya mereka kerana hendak memenangi hadiah dan mengasah bakat.

Setelah berapa tahun mengendalikan penerbitan majalah tersebut, Maaruf terpaksa meninggalkan majalah kesayangannya kerana bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Namun, khidmatnya terhadap majalah *Hiboran Kanak-kanak* sesuatu yang amat berharga kepadanya.

Bekas anak murid Maaruf

Saat yang gembira bagi seorang guru ialah ketika bertemu dengan bekas anak muridnya. Apalagi anak muridnya itu telah berjaya dalam bidang masing-masing.

Raja Azlan, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Kesembilan, adalah bekas anak murid Maaruf. Raja Azlan pernah menjadi penuntut Maktab Teknik, Kuala Lumpur pada tahun 1944–1945 dan ketika itu Maaruf bertugas sebagai guru *taiso* dan guru bahasa Jepun.

Sewaktu Maaruf bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Raja Azlan pula berkhidmat sebagai Hakim di Mahkamah Persekutuan. Baginda pernah bertemu dengan Maaruf dan kemesraan antara seorang murid dengan guru tetap terjalin.

Saari Abdullah bekas Timbalan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dan penulis terkenal Ahmad Kamal Abdullah, yang dikenal dengan nama pena Kemala, juga bekas anak murid Maaruf. Kedua-dua bekas anak muridnya itu pernah bertugas di DBP.



Raja Azlan Shah



Saari Abdullah.

*Menara kota menjulang indah,
Bulan sabit menara jiwa;
Budi, kata, hilang tak mudah,
Guru dan murid bermesra juga.*

– Maaruf Mahmud

"Dewan Bahasa dan Pustaka adalah gedung bahasa," kata hati Maaruf. Di situ juga, kubu bahasa yang kukuh," bisik hatinya lagi.



Hari-hari terakhir seorang guru

Daripada seorang guru pelatih di Kalumpang, Maaruf berjaya mengikuti kursus perguruan yang formal di Maktab Perguruan Sultan Idris, di Tanjung Malim. Kemudiannya mengajar di Sekolah Melayu Prince's Road, Kuala Lumpur, Sekolah Melayu Batang Kali, Selangor serta beberapa buah sekolah di Kuala Lumpur. Sekolah terakhir tempat Maaruf mengajar ialah Sekolah Menengah Perempuan Assunta, Petaling Jaya. Kenangan ketika bertugas sebagai guru sukar dilupakan Maaruf. Walaupun kecintaan Maaruf dalam bidang perguruan masih mendalam, Maaruf berhajat untuk bersara daripada jawatan guru. Maaruf menempuh pelbagai kenangan pahit dan manis sepanjang kerjayanya sebagai guru.

Hajat Maaruf untuk meninggalkan bidang perguruan bermula ketika ada ura-ura pihak Dewan Bahasa dan Pustaka di Johor Bahru, akan berpindah ke Kuala Lumpur.

Yang didengari oleh Maaruf, pihak DBP akan mengambil ramai kakitangan. Antaranya ialah penyunting dan pengarang. Dua tugas ini semacam mendesak hati kecil Maaruf untuk memohon jawatan tersebut.

Hasrat yang kuat untuk berkhidmat di DBP menyebabkan Maaruf menemui Abdul Samad Ahmad. Namun, Abdul Samad Ahmad, tidak dapat membantu Maaruf, kerana syarat kemasukan ke DBP, adalah sekurang-kurangnya seseorang itu memiliki Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu atau Sijil Tinggi Persekolahan (STP).

Sebagai guru lepasan maktab, Maaruf tidak memiliki sijil itu. Didorong semangat dan cita-cita untuk ke gedung bahasa itulah, Maaruf mengambil kedua-dua peperiksaan tersebut.

Maaruf lulus peperiksaan tersebut. Kebetulan

pula Dewan Bahasa dan Pustaka ada menganjurkan peraduan mengarang. Maka Maaruf pun mencuba dan dia telah memenangi beberapa peraduan menulis cerpen dan menulis skrip drama pentas.


Setelah itu Maaruf menghantar permohonan kerja dan dia dipanggil untuk temu duga. Tuah menyebelahnya. Maaruf akhirnya ditawarkan berkhidmat sebagai penyunting di Dewan Bahasa dan Pustaka. Perkhidmatannya sebagai guru dari tahun 1935-1959 ditinggalkan dan bermula pada detik itulah Maaruf dikenali sebagai penyunting pula.

Awal tahun 1963 adalah detik gemilang bagi Maaruf sebenarnya. Di bawah bumbung gedung bahasa, Maaruf mula bertugas. Bersama-sama dengan Saleh Daud, Awam il-Sarkam, dan Wahab Ideris, serta ramai lagi, Maaruf menjalankan tugasnya dengan penuh dedikasi.



Saleh Daud

Di gedung bahasa inilah Maaruf boleh mengembangkan bakat penulisannya. Di tempat ini juga, dia boleh memenuhi cita-citanya dan cita-cita arwah ayahnya, Mahmud.



BAB 4

MENCIPTA NAMA SEBAGAI PENULIS

Di bawah bumbung gedung bahasa

Pagi-pagi lagi Maaruf sudah bertolak dari rumahnya untuk ke tempat bertugas yang baru. Tambang bas dari Brickfields ke stesen bas Kuala Lumpur ialah sepuluh sen dan lima sen lagi menaiki bas ke Dewan Bahasa dan Pustaka.

Orang pertama yang ditemui oleh Maaruf ialah Ketua Bahagian Pengarang, Encik Kamaluddin Mohammad atau dikenal dengan nama pena Keris Mas. Maaruf ditempatkan di sebuah bilik berdinding cermin. Empat orang sebilik. Tiga orang penyunting dan seorang lagi pengarang.

Bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka berbeza suasanaanya dengan bertugas ketika menjadi guru. Namun, Maaruf seronok bertugas sebagai penyunting. Maaruf melupakan semua kesulitan dan menghadapi suasana baru yang ditempuhinya dengan tabah. Dia menumpukan minat kepada tugasnya sahaja. Di sini juga Maaruf berharap dapat memenuhi wasiat arwah ayahnya agar Maaruf dapat menjadi seorang penulis yang berjaya.

Tugas Maaruf sebagai penyunting adalah suatu tugas yang menarik tetapi Maaruf belum



Kamaluddin Mohammad atau
Keris Mas

memahaminya. Maaruf gembira kerana ada orang yang sudi mengajar cara-cara menyunting terutama rakannya Encik Daud. Akhirnya, sedikit demi sedikit Maaruf mula memahami sepenuhnya tugas itu.

Hari demi hari Maaruf lalui dengan penuh tabah dan minat. Yang payah menjadi mudah semuanya. Tugas yang diamanahkan kepadanya dilaksanakan dengan lancar. Semakin hari minat terhadap tugasnya begitu mendalam. Tambahan pula banyak manuskrip cerita yang dihantar oleh penulis tanah air untuk diterbitkan oleh DBP.

Di DBP, Maaruf dapat menunaikan hasrat ayahnya agar dia menjadi penulis. Maaruf mula mengembangkan bakat penulisannya. Di gedung bahasa inilah, dia banyak mendapat galakan dan berpeluang menulis dengan lebih terbuka. Rakan-rakannya tidak lokek memberikan tunjuk ajar. Walaupun usia Maaruf jauh berbeza dengan rakan-rakan yang kebanyakannya muda-muda belaka, tetapi Maaruf berpegang kepada falsafah "jika tidak tahu, hendaklah rajin bertanya".

Bermula dengan sebuah cerpen kanak-kanak yang berjudul *Anak Jaga Universiti*, yang tersiar dalam *Dewan Pelajar*, 1968 semangat Maaruf untuk terus berkarya semakin membara.

Cerpen *Anak Jaga Universiti* telah diterbitkan semula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, dalam sebuah antologi cerpen. Antologi cerpen yang berjudul *Jauh ke Tengah Laut* itu juga memuatkan karya penulis lain, seperti Alis Murni, Othman Puteh, Ramlan Wahab, Shaari Jasman, Hanafi Abdullah dan Aripin Said.

Terbitnya antologi cerpen tersebut semakin merangsang jiwa Maaruf untuk terus berkarya. Selepas itu, menyusul beberapa cerpen kanak-kanak karya Maaruf yang tersiar dalam *Dewan Pelajar* seperti *Terlepas* dan *Peti Duit*.



*"Yang tidak pandai
mestilah berguru.
Hendak berguru pula
tidak kira muda atau
tua."*

— Maaruf Mahmud
atau lebih mesrudi
kalangan warga
DBP sebagai
Cikgu Maaruf.

Ilham, oh ilham

Dewan Bahasa dan Pustaka terletak di sebelah kawasan perkuburan lama. Di kiri dan kanan bangunan ini terdapat jalan raya yang menghala ke pusat bandar dan jalan ke lapangan terbang lama. Di tingkat lima bangunan inilah, Maaruf bertugas. Maaruf suka menulis di biliknya. Ada kalanya apabila terlalu asyik dan seronok menulis, tidak sedar hari telah lewat malam.

Pelbagai peristiwa yang aneh, lucu dan seram dialami Maaruf sepanjang bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka, terutamanya ketika waktu malam. Antaranya, panggilan telefon daripada seorang wanita. Wanita itu menelefon Maaruf sedangkan Maaruf tidak mengenalinya. Suatu malam wanita itu ingin bertemu dengan Maaruf. Maaruf bersetuju. Wanita itu sungguh cantik. 'Dia' meminta Maaruf menghantarnya ke Lapangan Terbang Subang. Entah bila ketikanya, wanita cantik itu bertukar rupa menjadi wanita yang hodoh.

Pernah juga, seorang pengawal DBP yang bertugas di tingkat lima telah tertidur ketika bertugas. Keesokannya, dia mendapati dirinya tidur di atas simen di bangunan Balai Budaya.

Peristiwa-peristiwa yang 'menarik' itu telah menjadi tema bahan cerpen Maaruf. Kisah bunyi 'orang' menaip pada waktu malam di bilik jurutaip misalnya, menjadi bahan penulisannya.

Kisahanya, pada suatu malam, seorang pengawal telah membuka lampu bilik jurutaip kerana terdengar bunyi 'orang' menaip. Pengawal tersebut berasa hairan dan ingin mengetahui apa yang sebenarnya terjadi. Pengawal itu lalu membeli dua buah perangkap yang dipasang di bilik jurutaip tersebut. Kemudian, lampu bilik jurutaip dipadam. Apabila pengawal itu kembali ke bilik itu semula dan memasang lampu, didapati

"Maaruf, bila abah sudah tiada, kaupastikan terus menulis. Pasti kau akan menjadi seorang penulis cerita yang terkenal."

- Mahmud Ujang

beberapa ekor tikus telah berada di dalam perangkap. Rupa-rupanya, tikus itulah yang melompat di atas satu mesin taip ke satu mesin taip yang lain. Lompatan itu kedengaran seperti orang menaip.

Maaruf banyak mengutip bahan daripada pengalaman, peristiwa benar yang pernah dialami dan pengamatannya. Hal ini dapat dilihat dalam karyanya seperti *Pelita yang Menyala*, dan *Kempetai Jepun* di samping 30 buah buku cerita sejarah tanah air yang ditulisnya.

Peristiwa menarik di bilik jurutaip telah mendorong Maaruf menulis cerpen "Jurutaip di Tengah Malam". Cerpen itu telah memenangi Peruduan Cerita Lucu Anjuran DBP bersama-sama satu lagi cerpennya, iaitu "Duit Nenekku".



Peristiwa pahit

Tahun 1969 merupakan tahun terpenting bagi Maaruf. Tahun ini jugalah peristiwa paling pahit yang dialami oleh rakyat dan negara kita Malaysia, iaitu Peristiwa Berdarah 13 Mei 1969.

Ketika peristiwa yang mencatat sejarah pahit kepada negara itu berlaku, Maaruf masih berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka. Peristiwa hitam itu menyebabkan Maaruf bercuti, sehinggalah dipanggil bekerja semula. Peristiwa pahit ini dapat diselesaikan oleh kerajaan. Namun, negara kehilangan banyak harta benda dan nyawa manusia.

Banjir yang melanda Kuala Lumpur dikatakan sebagai 'mencuci' bumi Malaysia akibat pertumpahan darah Peristiwa 13 Mei. Tun Abdul Razak, Perdana Menteri ketika itu telah mengisytiharkan darurat.



Tun Abdul Razak

Setelah keadaan negara kembali aman, Maaruf menyambung semula tugasnya. Pada tahun 1972, berlaku pula bencana alam yang maha dahsyat. Banjir besar telah melanda ibu negara. Hujan lebat yang turun selama beberapa hari telah menenggelamkan ibu kota dan melumpuhkan aktiviti di ibu negara.

Walaupun Maaruf sudah berusia 51 tahun, tetapi Maaruf masih tegap. Dia bersama anak-anaknya sanggup mengharungi banjir, untuk membantu penduduk yang terpaksa berpindah ke tempat yang selamat.

Kedua-dua peristiwa itu sungguh berbekas di jiwa Maaruf dan tidak dapat dilupakannya.

Bertenaga selepas bersara

Sampailah masanya Maaruf akan meninggalkan gedung bahasa. Maaruf tidak akan dapat terus berada di gedung itu, kerana tempoh persaraannya adalah pada bulan Disember 1975.

Namun, sebelum tempoh persaraan itu tiba, Maaruf sudah mula merancang masa depannya. Sebuah syarikat kecil dinamakan "Pembinaan Maaruf" telah pun ditubuhkan. Tujuannya adalah untuk menyambung kehidupannya setelah bersara.

Semasa hendak menubuhkan syarikat "Pembinaan Maaruf", Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu Datuk Hassan Ahmad, bersetuju menyambung khidmat Maaruf di Dewan Bahasa sehingga tahun 1976.



Maaruf bersyukur serta mengagap lanjutan perkhidmatannya sebagai peluang mencurah bakti kepada DBP.

Maaruf pun ditugaskan mengendalikan beberapa projek buku untuk kanak-kanak. Disebabkan kesibukannya, syarikat "Pembinaan Maaruf", telah diserahkan kepada rakan kongsinya iaitu seorang bukan Melayu.

Malangnya, Syarikat "Pembinaan Maaruf", telah gulung tikar. Kawan yang diharap-harapkan, berlaku tidak jujur terhadap Maaruf. Lagipun Maaruf sendiri tidak berpengalaman dalam mengendalikan syarikat pembinaan itu.

Walaupun Syarikat Pembinaan Maaruf berkecai, namun tidak mematahkan semangat Maaruf untuk berniaga. Terutama untuk menghadapi masa persaraannya kelak.

Setelah tamat tempoh bertugasnya di DBP, Maaruf pun meninggalkan DBP. Maaruf membuka sebuah syarikat penerbitan yang dinamakan "Syarikat Penerbitan Zamrud". Syarikat ini juga mengalami kegagalan.

Kegagalan itu tidak pun mematahkan semangat Maaruf. Maaruf kemudiannya, menubuhkan dua buah syarikat penerbitan lagi

Walaupun telah bersara dari DBP, Maaruf masih berkesempatan menulis buku kanak-kanak untuk DBP. Antaranya ialah "Siri Cerita Kanak-Kanak Bersajak".



iaitu "Penerbitan Bunga Orkid" dan "Penerbitan Tintamas" pada tahun 1978.

Melalui syarikat "Penerbitan Tintamas" Maaruf dapat menghasilkan 10 siri buku kanak-kanak iaitu "Cerita Detektif Simbolik". Wataknya dalam cerita ini ialah dua ekor tikus yang dinamakan "Jaguh" dan "Jambu".

Berkat kesabaran dan keikhlasan Maaruf berkarya, Syarikat Penerbitan Tintamas bertambah maju. Hasil keuntungan syarikat inilah Maaruf dan isterinya dapat menunaikan fardu Haji di Makkah.

Sekalipun memiliki syarikat penerbitan sendiri, Maaruf tetap juga menulis buku kanak-kanak untuk DBP, antaranya *Siri Kanak-kanak Bersajak*. Selain itu, Maaruf juga menghantar karyanya ke beberapa syarikat penerbitan lain, antaranya Far Eastern International yang beribu pejabat di Petaling Jaya, dan Sama Publications.

Anak Din Biola

Tahun 1984 dianggap tahun cemerlang bagi Maaruf Mahmud. Tahun inilah dia menempa nama sebagai seorang penulis yang berjaya.

Sewaktu Hadiah Sastera Remaja ESSO-GAPENA, tahun 1982 dilancarkan, Maaruf berusia 62 tahun. Dalam usia setua itu, Maaruf tetap mahu mencuba bakatnya.

Walaupun ramai golongan penulis akan menyertai peraduan, Maaruf tidak mahu memikirkan itu semua. Bagi Maaruf, yang penting mencuba dahulu. Dalam peraduan ada kalah dan menang. Persaingan dengan penulis muda memang hebat.

Seandainya dia menyertai peraduan, dia juga boleh menang. Setiap orang mesti ada peluang. Inilah pegangan Maaruf ketika itu. Maaruf mula memikirkan tema novel yang bakal disertainya.



Walaupun dilarang keras oleh doktor yang merawatnya, Maaruf berdegit dan terus menulis untuk menyiapkan naskah novelnya itu di atas katil pesakit. Akhirnya, "Anak Din Biola" diangkat untuk menerima Hadiah Utama Peraduan Hadiah Sastera Remaja ESSO-GAPENA.

Maaruf teringat ketika tinggal di Port Swettenham, dia selalu melihat opera dan ada seorang kanak-kanak penggesek biola.

Mengambil kisah lamanya itu, Maaruf mula mengarang. Malangnya, Maaruf terlantar di Hospital Tawakal, Kuala Lumpur, akibat serangan penyakit jantung. Namun, semangat Maaruf tetap berkobar-kobar hendak menghasilkan novel untuk peraduan yang bakal disertainya.

Dengan menggunakan pensel dan menulis di dalam buku latihan sekolah anaknya, Maaruf gigih menulis. Naskhah itu berjaya juga dihasilkannya. Naskhah tulisan tangan itu dihantar kepada



Maaruf menerima royalti novel *Anak Din Biola* di Majlis Penyampaian Hadiah Sastera Remaja ESSO-GAPENA 1982.

jurutaip. Setelah melakukan semakan dan pembedaan, Maaruf mula memikirkan judul novel barunya itu.

Beberapa judul menarik dicadangkan. Tetapi, semuanya tidak menarik. Sewaktu menentukan judul inilah, Maaruf menghadapi masalah.

"*Siti Nurbaya...*," cadang Maaruf.

"Tak sedap," detik hatinya pula.

"Terimalah, *Biola Bayu Senja*," cadang Maaruf lagi.

Judul itu tidak memikat hatinya juga. Nampak benar, judulnya sebuah karya lama.

Pada suatu hari, Zaleha isterinya, mencadangkan judul *Anak Din Biola*. Maka judul itulah yang dicatat pada skrip novel yang dihasilkan dan dihantar ke peraduan.

Anak Din Biola novel Maaruf Mahmud inilah dinobatkan sebagai pemenang hadiah utama Peraduan Hadiah Sastera Remaja ESSO-GAPENA. Maaruf telah membolot hadiah wang tunai RM8 000.00. Novel *Anak Din Biola* telah dicetak ulang sebanyak empat kali.

Novel ini juga telah dijadikan teks sastera Bahasa Melayu Tingkatan I, yang dianggap oleh Maaruf sebagai suatu penghargaan yang tidak ternilai.



Walaupun usianya menjangkau 70 tahun, Maaruf masih gigih berkarya. Baginya usia bukanlah penghalang untuk berkarya. Ibarat kelapa, semakin tua, semakin banyak minyaknya. Malah, semakin berusia, semakin menjadi daya kreatifnya.

TIDAK ADA WAKTU REHAT

"Ibu Negeranya London"

"Kau ni memang aneh Maaruf. Tinggi sangat cita-cita kau. London tu jauh. Kalau banyak duit bolehlah pergi," sindir ayahnya apabila Maaruf menyatakan keinginannya untuk melawat London.

Keinginan melancong dan melihat negara orang Inggeris, sudah lama tersemat di sanubari Maaruf. Sejak kecil dia bercita-cita hendak melawat ke sana. Maaruf mahu melihat negara orang Inggeris yang pernah menjajah negaranya.

"Negara Inggeris bernama England," kata bapa Maaruf ketika dia asyik bertanya tentang asal-usul orang Inggeris. "Ibu negaranya London."



Tercapai juga akhirnya hajat Maaruf untuk menjejakan kakinya di Kota London.

“Saya akan ke sana suatu hari nanti,” tegas Maaruf. Ayahnya hanya tersenyum dan menggelengkan kepala.

Impian hendak ke London begitu kuat. Sewaktu tubuh badan sihat inilah hendak melihat negara orang. Nanti tidaklah dikatakan orang seperti katak di bawah tempurung saja.

Maaruf sudah pun menunaikan haji ke Tanah Suci. Tidak salah kalau ke negara Inggeris pula. Saat yang ditunggu-tunggu itu, akhirnya sampai juga.

Ketika berusia 62 tahun Maaruf masih lagi gagah. Zaleha pula berusia 58 tahun. Kebetulan pula anak lelaki Maaruf, Kamarudzaman bertugas di Kedutaan Malaysia, di London. Inilah peluang yang dianggap baik oleh Maaruf.

Galakan anak-anak dan didorong oleh keazaman yang kuat, Maaruf ingin ke London. Separuh daripada wang hadiah kerana memenangi Peraduan Menulis Novel Remaja anjuran ESSO-GAPENA itu digunakan untuk perbelanjaan ke luar negara.



Kenangan ketika bersama isterinya bersiar-siar di Kota London.

“Tercapai juga hajat kami untuk melihat negara orang putih.”

- Maaruf Mahmud

Maaruf pun berangkat ke London bersama-sama isteri dan anaknya. Perancangan awalnya hendak beraya di Kota London tidak tercapai, kerana penerbangan mereka terkandas di Dubai. Dua hari Maaruf, isteri dan anaknya terpaksa tinggal di Dubai.

Sewaktu berada di Dubai, beberapa peristiwa disaksikan oleh Maaruf. Seorang rakannya termamah kaki katak yang disangka udang goreng. Sementara anaknya Adnan pula berhadapan dengan seorang Arab yang hendak merampas kameranya, kerana undang-undang di situ tidak membenarkan pelancong mengambil gambar tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Di Lapangan Terbang Paris pula, Maaruf berhadapan dengan pekerja lapangan terbang yang mengadakan mogok, meminta kenaikan gaji.

Selepas bersama selama lebih 40 tahun, Maaruf dan Zaleha berbulan madu di Kota London. Nostalgia manis ini sukar dilupai Maaruf.





Setelah melalui beberapa peristiwa itu, akhirnya Maaruf sampai juga di Kota London. Maaruf mengambil kesempatan melawat pelbagai tempat menarik. Antaranya Pasar Wembley, Stadium Wembley, Pasar Portbello dan Istana Buckingham.

Maaruf berasa seronok melawat tempat-tempat menarik dengan menaiki kereta api bawah tanah, bas dua tingkat serta berjalan kaki. Maaruf mengambil peluang sebaiknya untuk mengenali setiap tempat yang dilawatinya itu.

Pengalaman yang diperoleh dari Kota London, dirakamkan oleh Maaruf dalam sebuah novel berbentuk catatan perjalanan yang diberi judul *Sepanjang Perjalanan*. Buku tersebut diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1982.



Melawat Kota Zurich

Setelah lebih 25 hari berada di Kota London, Maaruf bersama-sama isteri, kemudiannya terbang ke Kota Zurich.

Pada hari Isnin 16 Ogos 1982, mereka menaiki penerbangan British Airways. Ahmad Mazlan, anak kelima Maaruf yang tinggal hampir 17 tahun di Zurich menjemputnya di lapangan terbang. Mazlan tinggal di Stefa.

Maaruf berkesempatan melawat ladang anggur milik seorang kenalannya. Kenalannya itu pernah datang ke Malaysia. Ketika itu Maaruf mengajar Bahasa Melayu kepada adik kenalannya itu, iaitu Mr. Reiad.

Di sini, Maaruf juga berpeluang melawat Kota Chillon, yang dikenal sebagai kota puaka, bandar Luzen dan Geneva.

Setelah melawat Kota Zurich, Maaruf dan isteri ke London semula. Beberapa hari kemudiannya, mereka pun pulang ke Kuala Lumpur dengan membawa seribu kenangan.

Karyawan Tamu

Pada bulan Februari 1993, Maaruf diberi penghormatan oleh DBP menjadi Karyawan Tamu DBP untuk tempoh setahun. Menjadi Karyawan Tamu DBP bagi kebanyakan penulis tanah air merupakan suatu penghormatan yang cukup besar apa lagi bagi Maaruf. Ketika usianya telah lewat begini penghormatan yang diberikan kepadanya sungguh mengharukan. Sebab itulah ketika ditawarkan menjadi Karyawan Tamu, Maaruf merasakan dia berada di dunia yang baru sebagai seorang penulis. Masakan tidak, ditempatkan di sebuah bilik khas, disuruh pula menulis dan dibayar gaji. Bukankah ini suatu peluang yang terbaik seumur hidupnya.



Maaruf berasa terharu atas pelantikannya sebagai Karyawan Tamu. Pelantikan ini berupa satu penghargaan kepadanya sebagai penulis veteran yang telah bersara.

Ramai pula rakan-rakan lama di Dewan Bahasa dan Pustaka, yang dapat ditemui semula seperti Shaari Abdullah, Kemala, Roslan Yusof, Anwar Ridhwan, Hamzah Hamdani dan Mohamad Yussop Ishak (yang menjadi editor buku *Berenang di Lautan Cetera*).

Maaruf menangani tugas yang besar ini dengan menulis autobiografi kisah hidupnya. Setiap hari, Maaruf memanjat tangga Dewan Bahasa dan Pustaka dan berkurung dalam biliknya, menulis tanpa jemu.

Berenang di Lautan Cetera merupakan hasil karya Maaruf ketika menjadi Karyawan Tamu DBP.





"Pemergian Zaleha benar-benar meninggalkan kesan pada diri saya.

Perhubungan kami amat rapat. Bila berlaku perpisahan ... saya hampir kehilangan punca. Saya rasa hidup ini kosong, sunyi dan ketiadaan ilham untuk berkarya."

- Maaruf Mahmud

Kesedihan

Ketika hampir dua bulan menjadi Karyawan Tamu DBP, detik kesedihan yang tidak diduga diterima oleh Maaruf.

Zaleha, isteri yang disayangi telah pergi buat selama-lamanya. Kematian Zaleha pada hari Ahad, 4 April 1993, ketika Maaruf bergelut menghasilkan buku autobiografinya, berlaku peristiwa yang cukup memilikannya. Zaleha yang dikasihi pergi setelah hidup bersama lebih 51 tahun lamanya.

Detik ini cukup menguji keimanan Maaruf. Maaruf tahu, dia harus tabah menghadapi dugaan ini. Rakaman pengalaman mesti disiapkan seperti yang dijadualkan.

Tiada lagi orang yang sering memberikan Maaruf galakan, mengkritik karyanya dan juga yang kerap memilih judul bagi karya Maaruf. Akhirnya, Maaruf dapat menerima hakikat yang Zaleha sudah tiada, walaupun pemergian Zaleha itu tetap ditangisinya.





Zaleha ialah peminat dan pengkritik bagi setiap karya yang Maaruf hasilkan. Namun, Allah jua yang lebih berkuasa. Isteri yang dicintai menghembuskan nafas terakhir jam 1.30 pagi dalam suasana tenang dan sepi. Almarhum Zaleha dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara, Damansara, Kuala Lumpur.

*Hendak meniti di Tanjung Paku,
Hendak mandi di lopak empangan;
Hendak mati di hujung kuku,
Hendak bersemadi di tapak tangan.*

Inilah antara pantun yang menjadi bisikan antara Maaruf dan Zaleha di awal rumah tangga mereka. Mereka juga sering berbual-bual di anjung rumah apabila bulan purnama. Suasana romantis sedemikian sukar dilupai Maaruf.



Sakit jantung

Sewaktu bergelut menyiapkan autobiografi projek Karyawan Tamu di Dewan Bahasa dan Pustaka, Maaruf tiba-tiba diserang penyakit jantung. Serangan ini merupakan kali kedua baginya. Maaruf telah dimasukkan ke Wad Kecemasan, Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur.


Setelah menerima rawatan dan kembali sihat, Maaruf kembali menyambung tugasnya. Maaruf dengan gigih menulis dan merakamkan kisah-kisah silamnya.

Tanpa memikirkan penyakit jantungnya, Maaruf terus menyambung menulis. Adakalanya dia berehat dan kembali menyambung rakaman pengalaman dalam buku autobiografi dengan penuh minat sekali.

Barangkali, perhatikan Maaruf sentiasa bergelut dalam kepenatan dan penyakit, anaknya Adnan, telah membawa Maaruf bercuti ke negara Turki.

Peluang ini memang ditunggu-tunggu oleh Maaruf. Sebelumnya, sekitar tahun 1990, Maaruf

Seribu kenangan dikutip dari negara Turki. Cita-citanya yang terpendam semasa kecil, akhirnya tercapai sudah. Sesungguhnya, banyak pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh Maaruf hasil lawatan singkat ini.



Masjid Biru atau Blue Mosque.

dan isterinya pernah berura-ura hendak melancong ke Turki. Ketika itu Kamarudzaman dihantar bertugas di Kedutaan Malaysia, di Turki. Perang Teluk meletus ketika itu, antara Iraq dengan Amerika Syarikat. Kunjungan itu terpaksa dibatalkan.

Pada bulan Jun 1993, barulah Maaruf berpeluang menjejakkan kaki di negara Turki. Ketika di Istanbul, Maaruf berpeluang melawat beberapa buah masjid yang terkenal seperti Masjid Biru atau *Blue Mosque*, atau lebih dikenali dengan nama Masjid Sultan Ahmet. Maaruf juga sempat melawat Topkapi Palace.

Dari Ankara, Maaruf menaiki kereta ke Hattaya dan Busra, melihat kesan sejarah dan lukisan perang Jerman dan Turki.

Suatu ketika Maaruf pernah tersesat untuk pulang ke hotel penginapannya, gara-gara leka bersiar-siar seorang diri tanpa membawa alamat tempat menginap. Pengalaman menyebabkan Maaruf dapat kembali semula ke hotelnya.



Berenang di Lautan Cetera

Pada 31 Januari 1994, tamatlah tempoh Maaruf menjadi Karyawan Tamu di Dewan Bahasa dan Pustaka. Setelah menghadapi kepayahan Maaruf pun dapatlah menyiapkan autobiografi yang diberikan judul *Berenang di Lautan Cetera*.

Amanah yang diberikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, dilaksanakan dengan sebaiknya. Beban yang dipikul selama ini dapat diselesaikan dengan jayanya. Maaruf mula menunggu buku autobiografi itu lahir, yang dianggap sesuatu yang besar nilainya.

Dikutip semula bait-bait puisi Maaruf, kenangan abadi Maaruf kepada desa kelahirannya, Hulu Yam Bharu.

"Bila DBP memberi saya tempoh setahun untuk menyiapkan autobiografi saya itu, kerja setahun itu nak saya siapkan dalam masa tiga hari saja. Begitulah seronoknya saya berkarya."

- Maaruf Mahmud

Berenang di Lautan Cetera

*Ibuku, desaku, duniaku
Hulu Yam Bharu
Bumi aku dilahirkan
Begitu lama
Begitu jauh kutinggalkan.
Namun,
bunga-bunga desa
bunga-bunga gunung
terus berkembang
harum mewangi
menunggu aku pulang
begitu lama aku menghilang
bagaikan jelatik berhijrah ke kota
berenang di lautan cetera.*

*Kini
dalam hati tampak jua
tawa dan tangisan
hidup dan mati dalam keluarga
dalam sinar purnama
membayang lambaian puspa desaku
pada desaku Hulu Yam Bharu
di lembahan Gunung Titiwangsa
yang disalut awan kemuncaknya.*

ANTARA BULAN DAN MATAHARI

Selagi ada hayat

Kata Maaruf, semakin lanjut usia, semakin jauh perjalanan. Oleh itu, pada 31 Mei 1994, Maaruf telah mengikuti keluarga anaknya, Anuar melawat Medan, Sumatera. Bumi asal nenek moyangnya sebelum mereka merantau ke Tanah Melayu, berpuluh tahun yang silam. Inilah yang diimpikan Maaruf selama ini.

Dalam cuaca yang ceria, Maaruf pun tiba di Lapangan Terbang Medan.

Mereka sekeluarga menginap di Hotel Garuda Plaza, Kota Medan. Setelah mengisi perut di Restoran Keluarga, mereka melawat Taman Buaya. Kemudiannya menaiki van ke bandar Parapat yang terletak di pesisiran Danau Toba.



Maaruf bersama-sama keluarga anaknya, Anuar, di pesisiran Danau Toba, tempat impian Maaruf.

Betapa girang hati Maaruf, kerana dapat menyaksikan pemandangan Bandar Bukit Tinggi atau Kota Lemang. Mereka singgah pula di Parapat. Membeli lukisan dan melihat keunikan Pasar Minggu hari Sabtu. Seterusnya mereka ke Brastagi. Di sana Maaruf berkesempatan menunggang kuda dan menaiki bendi. Semua kenangan ini merupakan detik bersejarah yang sukar dilupakan di hati Maaruf.

Di tengah kawan-kawan

Maaruf Mahmud ialah ahli Persatuan Penulis Nasional (PENA), Kuala Lumpur. Sewaktu PENA menganjurkan lawatan untuk ahli-ahlinya ke Frankfurt, Paris dan London, Maaruf tidak melepaskan peluang yang baik ini.

Lawatan ke luar negara, bertujuan mendedahkan ahli-ahli PENA kepada negara luar, di samping menambah pengalaman. Apalagi apabila dapat bersama-sama rakan penulis tanah air.



Pada September 1994, bersama-sama dengan beberapa orang rakan penulis, Maaruf berlepas ke Frankfurt. Di Frankfurt, Maaruf berpeluang menyaksikan Pesta Buku Antarabangsa, yang memang diadakan setiap tahun.

Ini juga merupakan sejarah manis bagi diri Maaruf. Di sini dia dapat menyaksikan Majlis Pelancaran novel *Salina* karya Sasterawan Negara Dato' A. Samad Said, dan pelancaran buku puisi Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh. Pada majlis itu juga, Ketua Rombongan PENA, Encik Baha Zain telah memberikan penerangan tentang perkembangan Sastera Melayu di Malaysia.



Maaruf bersama-sama Marzuki Ali di luar hotel penginapan mereka.



Perasaan sebak dan sayu menyelubungi apabila Maaruf mengimbau kenangan silamnya bersama isteri tercinta ketika menikmati "bulan madu" mereka.

Di Frankfurt, Maaruf berserta rombongan menginap di sebuah hotel dan rumah tumpangan yang terletak di kawasan luar kota. Esoknya, rombongan berangkat ke Kota Paris.

Selama dua hari satu malam berada di Kota Paris, Maaruf sempat melawat *Eiffel Tower* iaitu menara tertinggi di dunia. Maaruf juga sempat melawat Muzium Paris yang menempatkan potret *Mona Lisa*.

Sebelah petang, Maaruf dan rombongan berangkat ke Kota London. Inilah kali ketiga Maaruf menjejakkan kaki di Kota London pada musim gugur. Dahulunya, Maaruf bersama-sama isteri serta anak-anak berada di kota ini. Kali ini Maaruf keseorangan dan hanya ditemani tawa rakan-rakan penulis dari Malaysia. Menginap di Strawberry Park Hotel, banyak mengimbau kenangan silam terutama bersama-sama isteri tercinta. Pada keesokan harinya, Maaruf bersama-sama rakan serombongan menjelajah ke sebuah perkampungan kecil. Selain itu mereka juga berpeluang melihat bandar kecil tempat kelahiran seorang pujangga Inggeris yang terkenal iaitu Shakespears. Setelah beberapa hari berada di London, Maaruf dan rombongan pulang ke tanah air.

Sekembalinya Maaruf daripada lawatan ke Eropah, Maaruf telah menerima sepucuk surat

undangan ke majlis penyampaian hadiah peraduan menulis cerpen anjuran bersama GAPENA dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sebuah cerpennya berjudul *Ceria Sebuah Nama* memenangi hadiah penghargaan. Walaupun hanya hadiah penghargaan, namun kejayaan ini merupakan suatu kemenangan yang tidak dapat dilupakan oleh Maaruf. Hal ini kerana, inilah pertama kali Maaruf menulis cerpen dewasa.

Penyakit jantung dan pembedahan

Setiap orang inginkan dirinya sentiasa sihat. Inilah yang diharapkan oleh Maaruf supaya dia boleh terus menulis. Ketika usianya 70 tahun, Maaruf masih boleh menulis dengan aktif. Maaruf boleh berterusan menulis hingga pukul tiga atau empat pagi. Kadangkala Maaruf berupaya meneruskan menulis hingga waktu subuh.

Penyakit jantunglah yang sering merunsiangkannya. Namun, Maaruf beruntung kerana dapat mengesani penyakit ini lebih awal. Penyakit jantung biasanya menyerang secara mendadak apabila seseorang tidak mengambil berat tentang kesihatannya.

Ketika berusia 75 tahun, Maaruf diserang penyakit jantung lagi. Satu saluran darah dari jantungnya ke anggota tertentu telah bengkak. Oleh itu, pada 15 Ogos 1995, Maaruf dihantar oleh anak-anaknya ke Pusat Perubatan Tawakal di ibu kota.

Setelah menjalani pemeriksaan, Maaruf menjalani pembedahan. Saluran darah yang bengkak sepanjang 22 cm dipotong. Saluran darah ini diganti dengan saluran tiruan yang bermutu tinggi buatan Amerika Syarikat.



Usia yang semakin lanjut bukan penghalang untuk Maaruf terus menulis dan meneruskan aktiviti sastera yang dicintainya sejak kecil.



"Inilah pusaka yang aku tinggalkan untuk anak dan cucu eiciku."

- Maaruf Mahmud

Maaruf terlantar di hospital tersebut selama 10 hari, dan kemudiannya dibenarkan pulang. Selama lima hari pula Maaruf terpaksa berulang-alik berjumpa doktor dan menerima nasihat daripada doktor bedah.

Pada 4 Januari 1996, Maaruf sekali lagi menjalani pembedahan, akibat penyakit angin dalam perut. Maaruf bersyukur kerana penyakit itu telah sembuh. Kedua-dua proses pembedahan ini menjadikan suatu sejarah kepada diri Maaruf.

Walaupun begitu, keadaan kesihatannya tidak pernah menjadi penghalang kepada diri Maaruf untuk berkarya. Maaruf tetap mahu berkarya dan menghasilkan sesuatu karya yang baik untuk tatapan khalayak.

Kegigihannya menulis tetap diteruskan. Apa juga peraduan yang dibuka, tetap disertainya. Kesungguhannya itu berbaloi apabila Maaruf berjaya memenangi Hadiah Istimewa, Peraduan Menulis Biografi ESSO-GAPENA I, dengan novel berjudul *Mahmud Ujang: Harimau Guru Melayu*.



Akhir hayat

Maaruf mengharungi hari tuanya dengan kasih sayang anak-anak, menantu, cucu dan cicitnya. Anak-anaknya sentiasa memastikan Maaruf tidak sunyi dan keseorangan. Namun, Maaruf yang sentiasa rindukan arwah isteri kesayangannya telah menghembuskan nafas terakhirnya pada 27 September 2000 pada usia 81 tahun. Hilanglah sudah sebutir mutiara berharga dalam dunia penulisan tanah air. Walaupun Maaruf telah meninggalkan kita, karya-karyanya akan terus menjadi tatapan anak bangsanya. Karya-karya itulah yang menjadi kenangan dan warisan kita semua. Semoga Allah mencucuri roh allahyarham.



“Aku kini beransur tua bagaikan suria yang tenggelam di bibir malam. Namun, sebagai seorang insan aku pasti akan bersemadi antara cahaya bulan dan matahari. Datang daripada Allah dan kepada-Nya aku mesti akan kembali.”

(Petikan dari bab ‘Dari Atas Jendela’, hlm. 469, *Berenang di Lautan Cetera*.)



Ketika hayatnya Maaruf sering menjadi pengadil pertandingan bola sepak antara anak dan cucunya yang diadakan pada setiap bulan.



"Saya sentiasa bermohon kepada-Nya, agar anak-anak, menantu dan cucu-cucu saya hidup aman damai."

- Maaruf Mahmud



*Walaupun tanpa isteri
tercinta menghormati
hari tua dan
menemaninya disaat
akhir hidupnya, hidup
Maaruf tidak terasa
sunyi kerana sentiasa
dikelilingi gelak tawa
anak, menantu, cucu
dan cicitnya.*



Cucu-cucu,

*Bakal karyawan negaramu,
Bersemangat pahlawan bangsa,
Sebagai anak-anak yang merdeka,
Keturunan Jelatik desamu,
Yang telah berhijrah ke kota.*

*Jejakkan tumitmu pada bumi,
Yang subur, makmur bertuah,
Julangkan tanganmu pada langit,
Pada bulan, bintang dan mentari,
Yang bersinar pagi,
Yang menyinari semangat pertiwi.*

*Taburlah bunga pada pusara nenekmu,
Yang telah pergi terlebih dahulu.*

*- Maaruf Mahmud
Berenang di Lautan Cetera*



TARIKH PENTING

- 1920 - 4 Disember, Maaruf Mahmud dilahirkan di Hulu Yam Bharu.
- 1927 - Maaruf mula memasuki Sekolah Melayu Hulu Yam Bharu.
- 1934 - Maaruf berpindah ke Sekolah Melayu Sungai Selisik.
 - Menjadi guru pelatih di Sekolah Melayu Kalumpang.
- 1936 - Memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC), Tanjung Malim.
- 1939 - Tamat latihan perguruan di SITC.
 - Mengajar di Sekolah Melayu Batang Kali.
- 1941 - 12 November, Maaruf bertukar ke Sekolah Melayu Prince's Road, Kuala Lumpur.
 - 8 Disember, pendaratan Jepun di Tanah Melayu.
- 1942 - Maaruf memasuki kelas bahasa Jepun.
 - 29 Julai, diijabkabulkan dengan Zaleha Hussin.
- 1945 - 12 September, Jepun menyerah kalah.
- 1948 - Perisytiharan darurat.
- 1952 - Menjadi pengelola ruangan untuk majalah *Hiboran Kanak-Kanak*.
- 1959 - Bersara daripada perkhidmatan guru.
- 1962 - Menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu dan Sijil Am Pelajaran.

- 1963 - Menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan.
- Mula berkhidmat di DBP.
- 1968 - Cerpen "Anak Jaga Universiti" disiarkan dalam majalah *Dewan Pelajar* (cerpen pertama dihasilkan ketika berkhidmat dengan DBP).
- 1969 - Peristiwa 13 Mei berlaku.
- 1972 - Banjir besar melanda Kuala Lumpur.
- 1976 - Menamatkan perkhidmatan dengan DBP (bersara wajib selepas tempoh perkhidmatan dilanjutkan selama satu tahun).
- 1979 - Menunaikan ibadat haji bersama-sama isteri.
- 1982 - Memenangi hadiah pertama dalam Sayembara Menulis Novel Remaja anjuran ESSO-GAPENA.
- Julai-Ogos, berkunjung ke London dan Zurich.
- 1983 - Novel *Anak Din Biola* memenangi hadiah pertama Peraduan Menulis Novel Anjuran ESSO-GAPENA.
- 1988 - Novel *Wira di Bumi Warisan* memenangi hadiah galakan dalam Anugerah Novel Sejarah Kebangsaan anjuran Persatuan Sejarah Malaysia.
- 1993 - 2 Februari, bertugas sebagai Karyawan Tamu DBP.
- 4 April, isteri yang dikasihi, Zaleha kembali ke rahmatullah.
- 1994 - Memenangi hadiah penghargaan peraduan menulis cerpen ESSO-GAPENA IX.
- Melawat Medan, Sumatera bersama-sama keluarga anaknya, Annuar.
- 1996 - Buku *Biografi Mahmud Ujang: Harimau Guru Melayu* telah memenangi hadiah istimewa Peraduan Menulis Novel Anjuran ESSO-GAPENA (Hadiah Biografi).
- 1997 - Autobiografi *Berenang di Lautan Cetera* diterbitkan oleh DBP.